



INTERNATIONAL JOURNAL OF LAW,
GOVERNMENT AND COMMUNICATION
(IJLGC)
www.ijlgc.com



**TRANSFORMASI ISLAM DI SABAH PASCA-KEMERDEKAAN:
SEJARAH, STRATEGI DAKWAH, DAN PERUBAHAN
DEMOGRAFI**

*THE TRANSFORMATION OF ISLAM IN SABAH IN THE POST-INDEPENDENCE
ERA: HISTORY, DA'WAH STRATEGIES, AND DEMOGRAPHIC CHANGES*

Zaifuddin Md Rasip¹

¹ Fakulti Pengajian Islam, Universiti Malaysia Sabah
Email: zaifuddin@ums.edu.my

Article Info:

Article history:

Received date: 27.03.2025

Revised date: 17.04.2025

Accepted date: 27.05.2025

Published date: 30.06.2025

To cite this document:

Rasip, Z. M. (2025). Analisis Perundangan dan Polisi Transformasi Islam Di Sabah Pasca-Kemerdekaan: Sejarah, Strategi Dakwah, Dan Perubahan Demografi. *International Journal of Law, Government and Communication*, 10 (40), 636-652.

DOI: 10.35631/IJLGC.1040044

This work is licensed under [CC BY 4.0](https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/)



Abstrak:

Artikel ini membincangkan proses transformasi Islam di Sabah selepas penyertaannya dalam Persekutuan Malaysia pada tahun 1963 sehingga pengisytiharan Islam sebagai Agama Negeri. Fokus utama kajian ialah menelusuri sejarah perkembangan Islam, menilai strategi dakwah yang digunakan oleh institusi-institusi seperti Pertubuhan Islam Seluruh Sabah (USIA), dan menganalisis perubahan demografi umat Islam berdasarkan data rasmi. Kajian ini mendapati bahawa Islam pada peringkat awal pasca-kemerdekaan menghadapi pelbagai cabaran, termasuk dominasi pentadbiran bukan Islam dan ketiadaan struktur organisasi dakwah yang kukuh. Walau bagaimanapun, kemunculan Tun Datu Mustapha sebagai tokoh politik dan pendakwah, serta penubuhan USIA pada tahun 1969, menjadi pemangkin kepada dakwah berstruktur dan terancang di Sabah. Melalui pendekatan bersepadu yang menggabungkan pendidikan, kebajikan, dan pemerkasaan institusi, Islam berjaya diterima secara meluas dalam kalangan masyarakat peribumi. Statistik menunjukkan peningkatan ketara bilangan penganut Islam, daripada 38% pada tahun 1960 kepada 65% menjelang tahun 2010, dengan pertambahan lebih 29,000 mualaf antara tahun 2010 hingga 2023. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif melalui analisis kandungan dokumen sejarah, bancian penduduk, dan laporan institusi agama. Hasilnya menunjukkan bahawa keberhasilan dakwah di Sabah dipengaruhi oleh keupayaan menyesuaikan Islam dengan budaya setempat dan strategi penyampaian yang inklusif. Penemuan ini memberi sumbangan penting kepada kajian dakwah di wilayah berbilang etnik dan agama serta menawarkan kerangka rujukan kepada perancangan pembangunan Islam yang lestari di masa hadapan.

Kata Kunci:

Dakwah Bersepadu, Islamisasi Sabah, Mualaf, Tun Mustapha, USIA

Abstract:

This article examines the transformation of Islam in Sabah following its incorporation into the Federation of Malaysia in 1963 until 2024. The study focuses on tracing the historical development of Islam, evaluating the da'wah strategies implemented by institutions such as the United Sabah Islamic Association (USIA), and analysing demographic changes based on official data. The research finds that in the early post-independence period, Islam faced numerous challenges, including the dominance of non-Muslim administrative leadership and the absence of a structured da'wah organisation. However, the emergence of Tun Datu Mustapha as a prominent Muslim political figure and preacher, along with the establishment of USIA in 1969, marked a turning point for systematic and organised da'wah in the state. Through integrated approaches combining education, welfare, and institutional empowerment, Islam gained widespread acceptance among indigenous communities. Statistics indicate a significant increase in the Muslim population, from 38% in 1960 to 65% by 2010, with more than 29,000 converts recorded between 2010 and 2023. This study employs a qualitative methodology based on content analysis of historical documents, census data, and institutional reports. The findings demonstrate that the success of Islamic propagation in Sabah was strongly influenced by its cultural adaptability and inclusive outreach strategies. This research contributes significantly to the field of Islamic propagation in multicultural societies and offers a strategic framework for sustainable Islamic development in the future.

Keywords:

Integrated Da'wah, Islamization In Sabah, *Mualaf*, USIA, Tun Mustapha

Pengenalan

Transformasi Islam di Sabah pasca-kemerdekaan merupakan suatu proses dinamik yang mencerminkan pertembungan antara sejarah penjajahan, gerakan dakwah, dan perubahan struktur sosial masyarakat. Sejak penyertaan Sabah dalam Persekutuan Malaysia pada tahun 1963, landskap keagamaan, demografi dan identiti budaya negeri ini berubah secara signifikan, daripada realiti dominasi animisme dan Kristianisasi era kolonial kepada kemunculan Islam sebagai agama majoriti dan kekuatan sosial arus perdana (Hajimin, Omar & Hajimin, 2020). Perubahan ini tidak berlaku secara mendadak, tetapi terbina melalui usaha sistematik pelbagai pihak, terutama dalam konteks institusional dan kepimpinan politik Islam tempatan.

Sebelum merdeka, masyarakat peribumi Sabah rata-ratanya mengamalkan kepercayaan animistik yang berakar kepada roh nenek moyang dan unsur alam. Sejak abad ke-14, kemasukan Islam berlaku melalui jaringan perdagangan maritim dengan pedagang dari Brunei, Sulawesi, dan Mindanao (Rasip & Ab Razak, 2024). Walau bagaimanapun, pada abad ke-19, penyebaran Islam berdepan cabaran besar apabila misionari Kristian yang disokong kolonial British memperkukuh kedudukan mereka melalui pendidikan, kesihatan dan sistem pentadbiran (Syed Hamid & Akhmetova, 2019). Dominasi institusi mubaligh ketika itu menyukarkan penyebaran Islam, terutama dalam kalangan komuniti luar bandar. Islam

berkembang dalam keadaan terbatas, tanpa sokongan kerajaan, struktur rasmi, mahupun organisasi dakwah yang tersusun.

Penyertaan Sabah ke dalam Malaysia membuka ruang baharu kepada perkembangan Islam, khususnya menerusi kemunculan tokoh seperti Tun Datu Mustapha Datu Harun. Beliau bukan sahaja memainkan peranan sebagai pemimpin politik, tetapi turut mempelopori kebangkitan dakwah Islam secara institusional melalui penubuhan Pertubuhan Islam Seluruh Sabah (USIA) pada tahun 1969 (Mohd Amin & Don, 2021). Penubuhan USIA menandakan titik penting dalam sejarah Islamisasi moden di Sabah, dengan membawa pendekatan dakwah yang tersusun, bersepadu, dan mengambil kira budaya lokal sebagai asas penerimaan ajaran Islam.

Strategi dakwah yang dilaksanakan oleh USIA, serta sokongan institusi seperti JHEAINS, JAKIM, dan pertubuhan bukan kerajaan Islam, menjadikan Islam semakin diterima oleh masyarakat peribumi seperti Kadazan Dusun, Murut, Rungus dan Sungai. Pendekatan yang menggabungkan pendidikan, kebajikan, dialog antara agama, dan pembangunan komuniti telah menjadikan Islam bukan sekadar anutan peribadi, tetapi juga struktur sosial dan budaya yang hidup dalam masyarakat (Rasip, 2025). Data bancian Jabatan Perangkaan Malaysia (2020) menunjukkan bahawa peratusan penduduk Muslim di Sabah meningkat daripada kira-kira 37% pada tahun 1970 kepada lebih 65% menjelang tahun 2020, sekali gus mengubah wajah keagamaan negeri ini dalam jangka panjang.

Sehubungan itu, skop kajian ini memfokuskan kepada tiga aspek utama: (1) sejarah perkembangan Islam di Sabah pasca-1963; (2) strategi dakwah yang dilaksanakan oleh pelbagai institusi dan tokoh; dan (3) impak perubahan tersebut terhadap demografi keagamaan Sabah sehingga tahun 2024. Fokus utama diberikan kepada peranan kepimpinan Tun Datu Mustapha, keberkesanan USIA sebagai jentera dakwah, serta faktor-faktor sosial dan budaya yang menyumbang kepada peningkatan pemeluk Islam dalam kalangan masyarakat peribumi. Kajian ini juga akan menilai bagaimana gerakan dakwah Islam telah berjaya meresap ke dalam struktur kenegaraan, pendidikan dan keharmonian antara agama.

Dari segi metodologi, kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif melalui analisis dokumen sejarah, data bancian penduduk, laporan institusi Islam, serta hasil kajian lapangan terdahulu. Sumber data diperoleh daripada arkib kerajaan, penerbitan rasmi, laporan tahunan, dan artikel akademik berkaitan dakwah Islam di Sabah. Analisis dilakukan secara tematik dan kronologikal bagi mengenal pasti hubungan antara strategi dakwah dan perubahan demografi agama dalam tempoh kajian 1963 hingga 2024. Pendekatan ini diharap dapat memberikan gambaran menyeluruh tentang evolusi Islam di Sabah sebagai suatu proses transformasi yang strategik dan berimpak tinggi.

Sorotan Literatur

Perkembangan Islam di Sabah pasca-kemerdekaan berlangsung secara harmoni menerusi strategi dakwah yang mesra budaya serta menghormati norma tradisional masyarakat peribumi. Kajian oleh Mulyadi, Moh Dede dan Widiawaty (2022) menyorot bagaimana pendekatan dakwah yang menghargai adat serta kepercayaan tempatan telah membolehkan ajaran Islam diterima secara semula jadi dalam struktur sosial masyarakat tanpa mencetuskan konflik. Nilai-nilai Islam berjaya diserap ke dalam budaya tempatan melalui aspek seperti pantang larang, struktur kekeluargaan dan adat resam, menjadikan Islam relevan dalam kehidupan seharian komuniti. Namun begitu, kajian ini turut menekankan bahawa peranan mualaf sebagai agen perantara dalam dakwah masih kurang diberi perhatian, meskipun mereka mempunyai

kelebihan strategik dalam menjalin hubungan dengan komuniti bukan Islam. Oleh itu, penyelidikan lanjut terhadap sumbangan dan peranan mualaf dalam konteks dakwah amat penting bagi memperkasa strategi penyebaran Islam yang lebih inklusif dan berpaksikan realiti lokal.

Kajian oleh Rasip et al. (2025b) menelusuri perkembangan Islam di Sabah sejak abad ke-14 hingga menjelang kemerdekaan pada tahun 1963. Islam diperkenalkan melalui jaringan perdagangan maritim oleh pedagang Arab, Parsi, India dan Cina Muslim. Pengaruh Kesultanan Brunei dan Sulu turut memainkan peranan penting dalam mengukuhkan kedudukan Islam di wilayah Borneo Utara. Mualaf daripada kalangan peribumi menjadi agen utama dalam menyebarkan dakwah ke kawasan pedalaman. Walaupun pentadbiran British menyokong misi Kristian melalui pendidikan dan dasar kolonial, institusi Islam dan ulama tempatan tetap gigih mempertahankan ajaran Islam. Kajian ini menegaskan bahawa pemahaman konteks sejarah adalah penting dalam merangka strategi dakwah kontemporari yang berkesan dalam masyarakat berbilang budaya seperti Sabah.

Sorotan oleh Borham et al. (2021) pula memperincikan bagaimana Islam mula tersebar dari kawasan pesisir Sabah ke pedalaman secara beransur-ansur. Pedagang Muslim dari Arab dan Cina bukan sahaja membawa barangan dagangan, tetapi turut menyampaikan nilai-nilai Islam melalui interaksi budaya. Pendakwah yang menghormati adat dan struktur masyarakat setempat berjaya menjadikan Islam sebagai sebahagian daripada budaya masyarakat pedalaman, tanpa paksaan. Pendekatan ini membuktikan bahawa keberkesanan dakwah bukan terletak pada tekanan, tetapi pada kebijaksanaan budaya dan dialog sosial.

Kajian oleh Mohd Amin dan Don (2021) menggariskan peranan penting Tun Datu Mustapha dalam memacu transformasi Islam di Sabah melalui pendekatan dakwah yang sistematik dan berinstitusi. Penubuhan Pertubuhan Islam Seluruh Sabah (USIA) pada tahun 1969 menjadi pemangkin utama gerakan Islamisasi moden dengan strategi bersepadu, sensitif terhadap budaya tempatan, dan bertunjangkan kepada agenda pembangunan ummah. USIA bukan sekadar institusi dakwah, tetapi turut berperanan sebagai pemacu pendidikan dan kebajikan Islam. Jaringan kerjasama USIA dengan institusi luar negara dan dari Semenanjung Malaysia turut memperluaskan capaian dakwah serta meningkatkan akses kepada pendidikan Islam. Warisan perjuangan USIA membentuk asas sosial, politik, dan spiritual umat Islam Sabah yang kekal relevan hingga ke hari ini.

Hajimin et al. (2025) pula menekankan bahawa kepimpinan Tun Datu Mustapha melalui USNO (1967–1975) merupakan fasa penting dalam sejarah transformasi Islam di Sabah. Penubuhan USIA sebagai gabungan pelbagai persatuan Islam mencerminkan usaha sistematik dalam menggerakkan dakwah secara menyeluruh. Kekurangan pendakwah tempatan ketika itu diatasi melalui kehadiran agamawan luar dari Filipina, Indonesia dan Semenanjung. Strategi yang menyasarkan tokoh masyarakat seperti ketua kampung dan pemimpin politik membuktikan keberkesanan pendekatan berasaskan pengaruh sosial. Kesungguhan ini membolehkan Islam diterima oleh pelbagai etnik seperti Dusun, Murut, Cina dan India.

Secara keseluruhan, kajian-kajian ini membuktikan bahawa transformasi Islam di Sabah adalah hasil daripada pendekatan dakwah bersepadu yang menggabungkan sensitiviti budaya, kekuatan institusi, dan penglibatan aktif komuniti mualaf. Pendekatan yang dirancang dengan mengambil kira realiti sosial tempatan telah membentuk landskap keagamaan unik di Sabah,

sekaligus menyumbang kepada kedudukan Islam sebagai agama negeri menjelang era kontemporari.

Jadual 1: Ringkasan Sorotan Literature

Nama Penulis	Tahun	Fokus Kajian	Penemuan Utama
Mulyadi, Moh Dede & Widiawaty	2022	Dakwah mesra budaya dalam kalangan peribumi Sabah	Dakwah yang menghormati adat budaya tempatan diterima secara harmoni; mualaf berpotensi sebagai agen dakwah.
Rasip et al.	2025	Sejarah kemasukan Islam ke Sabah sebelum merdeka	Pengaruh Brunei dan Sulu, serta peranan mualaf penting dalam penyebaran Islam walaupun di bawah tekanan kolonial.
Borham et al.	2021	Penyebaran Islam dari pesisir ke pedalaman	Interaksi dagang dan budaya menjadi asas penyebaran Islam secara inklusif dan tanpa paksaan.
Mohd Amin & Don	2021	Peranan Tun Datu Mustapha dan USIA dalam pembangunan dakwah	USIA sebagai institusi dakwah menyeluruh memperluas capaian Islam melalui pendidikan dan kerjasama luar.
Hajimin et al.	2025	Kepimpinan USNO dan strategi dakwah Islam melalui tokoh masyarakat	Strategi menyasarkan ketua masyarakat dan kepimpinan politik berjaya menyebarkan Islam merentasi pelbagai etnik.

Mualaf Dalam Kalangan Pribumi Sabah

Golongan mualaf di Sabah secara majoritinya terdiri daripada masyarakat peribumi tempatan, yang merangkumi pelbagai etnik seperti Kadazan Dusun, Murut, Rungus, dan Sungai. Corak ini nyata berbeza jika dibandingkan dengan situasi di Semenanjung Malaysia, di mana kebanyakan mualaf terdiri daripada kaum Cina dan India, manakala orang Melayu sudah beragama Islam secara dominan. Keunikan ini membuktikan bahawa penyebaran Islam di Sabah telah melangkaui sempadan etnik tradisional, dan diterima secara terbuka merentas pelbagai budaya serta suku kaum (Sintang et al., 2019). Ia mencerminkan satu bentuk penerimaan dakwah yang inklusif, di mana agama Islam tidak dilihat sebagai eksklusif kepada satu etnik tertentu, tetapi berjaya meresap ke dalam struktur sosial masyarakat pelbagai kaum.

Dalam kalangan masyarakat peribumi, etnik Kadazan Dusun mencatatkan kadar kemasukan Islam tertinggi setiap tahun, diikuti oleh Murut, Rungus, dan etnik-etnik lain. Data rasmi yang diperoleh daripada Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS) bagi tahun 2010 hingga 2013 menunjukkan peningkatan berterusan dalam jumlah mualaf. Peningkatan ini bukan berlaku secara kebetulan, tetapi merupakan hasil daripada pelbagai inisiatif dakwah yang dirancang dan dilaksanakan secara bersepadu oleh institusi-institusi keagamaan negeri (Aliakbar, 2024). Antara faktor yang menyumbang termasuklah program pendidikan Islam yang diselaraskan di kawasan pedalaman, pendekatan dakwah berbentuk kebajikan, serta usaha berterusan membimbing mualaf melalui kursus, kaunseling dan sokongan komuniti (Rasip, 2025). Hakikat ini memperlihatkan keberkesanan strategi dakwah berasaskan keperluan tempatan yang berjaya menyentuh aspek spiritual dan sosial masyarakat peribumi.

Perkembangan Islam dalam kalangan mualaf peribumi juga mencerminkan integrasi yang harmoni antara nilai Islam dan adat tempatan. Banyak elemen budaya tradisional berjaya disesuaikan selaras dengan prinsip Islam, mewujudkan bentuk kehidupan beragama yang tidak menafikan identiti etnik asal. Ini memberi ruang kepada pembinaan jati diri Muslim yang inklusif, sekaligus memperkukuh perpaduan masyarakat berbilang etnik di Sabah (Sintang, 2005). Perubahan dalam komposisi demografi penduduk mengikut agama, terutamanya sejak zaman penjajahan hingga ke era pasca-kemerdekaan, turut menjadi cerminan kepada pertumbuhan berterusan Islam dalam konteks budaya tempatan yang dinamik (Aliakbar & Rasip 2024).

Statistik dan Dinamika Keagamaan Sabah Pra-Kemerdekaan

Perubahan dalam landskap keagamaan di Sabah antara tahun 1921 hingga 1960 dapat diperhatikan dengan jelas melalui bancian rasmi yang dijalankan oleh Syarikat Berpiagam Borneo Utara dan kemudiannya oleh Kerajaan British, sekali gus mencerminkan corak penerimaan agama dalam kalangan masyarakat tempatan (Hajimin, et. al. (2021).

Jadual 2: Statistik Demografi Agama Sabah (1921–1960)

Bil	Agama	1921	1931	1951	1960
1	Islam	81886 (32%)	86713 (32%)	115126 (37%)	17324 (38%)
2	Kristian	6980 (3%)	10454 (4%)	29092 (9%)	75247 (17%)
3	Buddha, Hindu, Lain-lain	33513 (13%)	41463 (15%)	33513 (11%)	206740 (46%)
4	Tidak beragama/ Tidak diketahui	135426 (53%)	131593 (49%)	135425 (43%)	
	Jumlah	257804 (100%)	270223 (100%)	313156 (100%)	454311 (100%)

Sumber: North Borneo Census & Banci Penduduk & Perumahan Malaysia

Statistik ini menggambarkan peralihan ketara dalam komposisi agama dalam kalangan penduduk Sabah, yang ketika itu masih dikenali sebagai Borneo Utara. Pada tahun 1921, umat Islam telah membentuk kumpulan agama terbesar dengan 32% daripada jumlah penduduk. Kristian ketika itu masih dalam fasa awal penyebaran dan hanya mencatatkan 3%. Sebanyak 13% penduduk menganut agama-agama lain seperti Buddha dan Hindu, sementara majoriti penduduk, iaitu 53%, masih belum menganut sebarang agama atau tidak dikenal pasti kepercayaannya (Mahali, 2018). Kategori ini merangkumi komuniti peribumi yang masih mengamalkan kepercayaan animisme dan kepercayaan tradisional.

Sepanjang tiga dekad berikutnya, Islam menunjukkan pertumbuhan yang stabil, meningkat kepada 38% pada tahun 1960. Dalam tempoh yang sama, penganut Kristian meningkat secara signifikan, daripada 3% pada 1921 kepada 17% pada 1960. Pertumbuhan pesat ini berkait rapat dengan usaha agresif misionari Kristian yang mendapat sokongan sistematik daripada pihak British, termasuk melalui pendidikan, perubatan, dan jaringan sosial. Sementara itu, peratusan penganut agama Buddha dan Hindu juga meningkat, terutamanya disebabkan oleh kemasukan pekerja migran dari China dan India. Kumpulan ini meningkat daripada 13% pada tahun 1921

kepada 46% menjelang 1960. Perkembangan ini menunjukkan impak langsung faktor migrasi terhadap kepelbagaian agama di Sabah.

Pada masa yang sama, peratus penduduk yang dikategorikan sebagai "tidak beragama atau tidak diketahui" menurun secara drastik daripada 53% kepada 43%. Penurunan ini menandakan semakin meluasnya penerimaan terhadap agama dalam kalangan penduduk Sabah, walaupun belum ada satu agama pun yang diikuti secara mutlak oleh majoriti populasi. Secara keseluruhan, data ini mencerminkan transformasi besar dalam struktur keagamaan Sabah menjelang era kemerdekaan. Islam kekal sebagai agama dominan, diikuti oleh pertumbuhan pantas agama Kristian, dan peningkatan ketara agama-agama lain akibat migrasi. Corak ini meletakkan asas kepada realiti pluralistik keagamaan Sabah yang masih ketara hingga ke hari ini (Rasip et al., 2025b).

Kepimpinan Awal dan Dinamika Islamisasi di Sabah

Selepas penyertaan Sabah dalam Persekutuan Malaysia pada tahun 1963, Islam kekal sebagai agama yang dominan dari segi bilangan penganut, namun belum mencapai kedudukan majoriti dalam struktur politik dan pentadbiran negeri. Meskipun Islam diiktiraf sebagai agama Persekutuan, di Sabah ia tidak disokong melalui dasar negeri yang jelas (Hajimin, Ibrahim, & Kassim, 2016). Perkembangan Islam pada fasa awal pasca-kemerdekaan berlaku secara perlahan, terutamanya kerana ketiadaan kuasa politik yang mantap dalam kalangan pemimpin Islam negeri untuk memperkukuh kedudukan institusi-institusi keagamaan. Usaha dakwah dan pengembangan Islam lebih banyak digerakkan oleh inisiatif peribadi dan sokongan akar umbi, tanpa bantuan strategik daripada kerajaan negeri (Rasip et al., 2025a)

Komposisi Kabinet Negeri Sabah yang pertama selepas kemerdekaan juga memberi gambaran jelas tentang realiti tersebut. Barisan pentadbiran negeri terdiri daripada pelbagai kaum dan agama, dengan sebahagian besar jawatan penting diisi oleh bukan Muslim, termasuk pegawai British yang masih memegang peranan utama (Aziz, 2013). Hanya segelintir tokoh Islam yang terlibat secara langsung dalam pentadbiran eksekutif negeri, manakala Tun Mustapha, meskipun merupakan tokoh Muslim berpengaruh, hanya memegang jawatan Yang di-Pertua Negeri yang tidak mempunyai kuasa eksekutif (Hajimin, Ibrahim, & Kassim, 2016). Ketiadaan dominasi politik Muslim dalam struktur kerajaan negeri menjadi faktor penghalang utama terhadap pengukuhan sistem pentadbiran Islam yang komprehensif.

Akibat daripada kekangan tersebut, institusi-institusi penting seperti jabatan agama negeri, mahkamah syariah, dan pengurusan zakat tidak dapat dibangunkan secara menyeluruh. Pembinaan masjid, surau, pusat pendidikan Islam, dan sistem sokongan kepada mualaf turut terbatas, khususnya di kawasan pedalaman (Aziz, 2015). Hal ini menyebabkan penyebaran Islam di Sabah selepas kemerdekaan tidak berlaku secara menyeluruh dan berstruktur, sebaliknya bergantung kepada daya tahan dan semangat dakwah masyarakat Muslim itu sendiri (Mat Zin, 2003).

Peranan Tun Mustapha dalam Politik dan Islamisasi Sabah

Tun Datu Mustapha Datu Harun merupakan tokoh penting dalam membentuk wajah baharu politik dan perkembangan Islam di Sabah pasca-kemerdekaan. Dilahirkan pada 31 Ogos 1918 di Kudat, beliau berketurunan Suluk dan mula melibatkan diri dalam politik seawal tahun 1950-an sebagai ahli Majlis Undangan Negeri Borneo Utara. Pada tahun 1961, beliau menubuhkan parti USNO sebagai wadah perjuangan politik bumiputera Muslim menjelang pembentukan Malaysia. Beliau kemudiannya menjadi Yang di-Pertua Negeri Sabah yang pertama (1963–

1965) dan dilantik sebagai Ketua Menteri Sabah ketiga dari tahun 1967 hingga 1976, membawa arus perubahan dalam pentadbiran negeri, khususnya dalam memperkukuh kedudukan Islam sebagai sebahagian daripada agenda pembangunan sosial dan politik negeri (Sabihah et al., 2006; Aziz, 2015).

Selain kepimpinan politik, Tun Mustapha juga dikenali sebagai tokoh dakwah yang aktif dan progresif. Beliau menubuhkan Pertubuhan Islam Seluruh Sabah (USIA) sebagai platform untuk menyusun strategi dakwah secara sistematik melalui pendidikan, kebajikan dan pembangunan insan (Amiruddin, 2012). Pengaruh beliau merentas sempadan apabila turut menjadi antara pengasas Rabitah Alam Islami di Arab Saudi serta terlibat aktif dalam PERKIM pada peringkat nasional antara tahun 1977 hingga 1979. Sumbangan ini memperlihatkan usaha beliau untuk menghubungkan masyarakat Islam Sabah dengan komuniti Islam antarabangsa, serta menyatukan gerakan dakwah dalam rangka kebangsaan dan global. (Arkib Negara Malaysia, 2011).

Tun Mustapha menghembuskan nafas terakhir pada 2 Januari 1995 dan dikebumikan di Tanah Perkuburan Islam Putatan, bersebelahan isterinya, Toh Puan Rahmah Zulkarnain (Sarabatin, 2008). Walaupun telah tiada, sumbangan beliau terhadap Islamisasi di Sabah terus dikenang. Beliau diangkat sebagai Bapa Kemerdekaan Sabah dan dikenali sebagai pelopor dakwah moden di negeri ini. Dalam mengenang jasanya, beliau telah dianugerahkan pelbagai darjah kebesaran dalam dan luar negara, termasuk S.M.N, S.P.D.K dan S.P.C.M. (Arkib Negara Malaysia, 2011). Legasi beliau bukan sahaja terpahat dalam sejarah politik Sabah, malah terus menjadi inspirasi dalam perjuangan Islam dan kepimpinan umat hingga ke hari ini.

Strategi Kepimpinan dan Pemeraksanaan Islam di Era Tun Mustapha

Ketika umat Islam di Sabah masih belum membentuk majoriti dan kedudukan institusi keagamaan belum kukuh, perjuangan untuk menjadikan Islam sebagai agama rasmi negeri berdepan dengan pelbagai cabaran. Ketiadaan struktur rasmi seperti majlis agama dan jabatan agama negeri, ditambah dengan dominasi politik bukan Islam dalam pentadbiran awal, membataskan pertumbuhan Islam secara menyeluruh. Kepimpinan awal negeri, termasuk Ketua Menteri pertama Tun Fuad Donald Stephen yang ketika itu beragama Kristian, lebih menumpukan agenda pembangunan kepada komuniti Kadazandusun. Keadaan ini menimbulkan keperluan mendesak dalam kalangan masyarakat Muslim untuk memperjuangkan kedudukan Islam dalam sistem pemerintahan negeri (Ismail, 2004).

Menyedari realiti tersebut, Tun Datu Mustapha membuat keputusan strategik untuk melepaskan jawatan sebagai Yang di-Pertua Negeri bagi menyertai arena politik secara langsung. Keputusan ini mencerminkan komitmen luar biasa beliau terhadap perjuangan Islam. Kemenangan beliau dalam pilihan raya negeri membuka laluan kepada pelantikan sebagai Ketua Menteri Sabah ketiga pada tahun 1967, sekali gus memberikan beliau kuasa eksekutif untuk melaksanakan perubahan dasar. Dalam peranan tersebut, beliau memberi keutamaan kepada pembinaan institusi Islam, pengukuhan pendidikan agama, serta peningkatan kedudukan sosio-politik umat Islam yang sebelum itu berada dalam kedudukan marginal (Hajimin, Ag Omar, & Hajimin, 2020; Faisal, 2018).

Salah satu langkah awal beliau ialah memastikan perwakilan tokoh Muslim yang lebih seimbang dalam kabinet negeri, dengan melantik lebih ramai pemimpin Islam ke jawatan strategik dalam pentadbiran kerajaan. Komposisi baharu kabinet ini mencerminkan usaha Tun Mustapha untuk memperkukuh suara umat Islam dalam penggubalan dasar. Langkah ini bukan

sahaja memperkukuh peranan politik umat Islam, tetapi turut menyediakan asas yang kukuh bagi pelaksanaan program dakwah, pembangunan institusi agama, dan pembinaan prasarana Islam secara menyeluruh di Sabah. Pendekatan strategik Tun Mustapha menjadi pemangkin kepada gelombang Islamisasi yang lebih sistematik dan tersusun, serta memberi kesan jangka panjang terhadap pembangunan agama dalam landskap sosial dan politik negeri (Hajimin & Ibrahim, 2019).

USIA Sebagai Platform Dakwah dan Pembangunan Islam Sabah

Tun Datu Mustapha menyedari bahawa satu kerangka perundangan dan institusi yang lebih kukuh dan sistematik diperlukan dalam usaha memperkukuh kedudukan Islam bagi menjamin masa depan Islam di Sabah. Atas kesedaran tersebut, beliau mencadangkan agar Perlembagaan Negeri dipinda supaya Islam diiktiraf secara rasmi sebagai agama negeri (Syed Hamid, & Akhmetova, 2019). Inisiatif ini berlandaskan hakikat bahawa pengiktirafan tersebut penting untuk mewujudkan struktur sokongan seperti majlis agama, jabatan agama negeri, baitulmal dan institusi zakat, seiring dengan kedudukan Islam dalam Perlembagaan Persekutuan (Sulaiman, Cheang, & Amiaty, 2019). Walau bagaimanapun, usaha ini berdepan kesukaran disebabkan status minoriti umat Islam ketika itu serta sensitiviti politik yang kompleks (Wan Hussain, Che Ngah, & Omar, 2017).

Menyedari perlunya pendekatan yang lebih pragmatik, Tun Mustapha mengambil inisiatif menubuhkan Pertubuhan Islam Seluruh Sabah (USIA) pada 16 Ogos 1969. Penubuhan ini dilakukan melalui penyatuan tiga entiti Islam sedia ada — Persatuan Islam Tawau, Persatuan Islam Putatan, dan Persatuan Islam Sabah — bagi membentuk satu gerakan dakwah yang bersatu dan berstruktur (Syamruddin & Abd Ghofur, 2017). USIA diwujudkan bukan sekadar sebagai organisasi sosial, tetapi sebagai jentera utama dakwah yang menyasarkan komuniti peribumi, khususnya di kawasan luar bandar yang selama ini terpinggir daripada arus pembangunan agama.

Melalui platform USIA, penyampaian mesej Islam dilakukan secara sistematik dan menyeluruh. Aktiviti dakwah tidak hanya tertumpu kepada ceramah atau kelas agama, tetapi diperluas melalui program pendidikan, kebajikan, dan pembangunan sosial. Kaedah pendekatan yang bersesuaian dengan budaya tempatan menjadikan USIA lebih mudah diterima, terutamanya dalam kalangan masyarakat Kadazandusun, Murut, dan Rungus. Keupayaan USIA dalam merancang dan melaksanakan dakwah secara profesional meletakkannya sebagai pelopor kepada pendekatan dakwah berinstitusi di Sabah.

Pertumbuhan USIA berlaku dengan pesat dalam tempoh hanya beberapa tahun selepas penubuhannya. Menjelang tahun 1973, pertubuhan ini telah mewujudkan sebanyak 299 cawangan dengan keanggotaan melebihi 51,000 orang. Tiga tahun kemudian, jumlah tersebut meningkat kepada 384 cawangan dan 60,000 ahli (Aziz, 2015). Statistik ini menggambarkan penerimaan yang amat positif daripada masyarakat Islam dan bukan Islam terhadap pendekatan USIA. Peranan USIA bukan sahaja memperluas capaian dakwah, malah memperkukuh jaringan solidariti umat Islam di Sabah, menjadikannya tunjang kepada usaha pemerkasaan agama di peringkat negeri.

USIA Sebagai Pemangkin Pembangunan Ummah di Sabah

Peranan Pertubuhan Islam Seluruh Sabah (USIA) sejak awal penubuhannya bukan sahaja tertumpu kepada aktiviti dakwah, tetapi turut mencakupi pelbagai inisiatif pendidikan dan kebajikan. USIA menganjurkan ceramah agama, kelas pengajian Islam, serta program bantuan

kepada golongan mualaf dan masyarakat Islam yang kurang berkemampuan (Syed Hamid & Akhmetova, 2019). Ketiadaan institusi rasmi kerajaan untuk mengurus hal ehwal Islam pada waktu itu menjadikan USIA sebagai entiti utama yang mengendalikan urusan zakat, penganjuran ibadah haji, serta pembinaan masjid dan surau (Suzanah Nilam, 2012). Fungsi-fungsi ini menunjukkan bahawa USIA berperanan jauh melangkaui gerakan dakwah biasa, ia menjadi struktur pelengkap kepada keperluan spiritual dan kebajikan umat Islam Sabah.

Sebagai langkah memperkukuh kapasiti institusi, Tun Datu Mustapha turut menekankan pembangunan sumber manusia dan kepakaran dalam bidang dakwah. Beliau memperkenalkan latihan untuk pendakwah tempatan serta membuka peluang kepada pendakwah luar negara yang berpengalaman untuk menyumbang secara langsung di Sabah. Antara negara yang menjadi sumber utama ialah Filipina, Arab Saudi, Indonesia dan Semenanjung Malaysia. Pendakwah dari negara-negara ini bukan sahaja membawa tradisi keilmuan yang kaya, tetapi juga pendekatan dakwah yang lebih tersusun dan sistematik (Rasip, 2025).

Salah satu inisiatif penting ialah kehadiran seramai 18 pendakwah dari Indonesia pada tahun 1974, termasuk tokoh seperti Ustaz Aliyudin Kamidi dan Dr. Munir Siregar, yang dijemput untuk memperkukuh gerakan dakwah di kawasan-kawasan pedalaman Sabah (Atim, 2016). Kehadiran mereka telah memberi impak besar dalam membina institusi pendidikan Islam, memperkasakan pengajaran agama, dan meningkatkan kesedaran Islam dalam kalangan masyarakat peribumi di daerah seperti Ranau, Keningau, dan Nabawan. Pendekatan ini mempercepatkan proses Islamisasi dan membantu menyuburkan penerimaan Islam secara meluas dalam kalangan komuniti bukan Muslim.

Keseluruhannya, USIA di bawah teraju Tun Mustapha berjaya meletakkan asas yang kukuh dalam membina kekuatan ummah di Sabah. Pendekatan menyeluruh yang menggabungkan pendidikan, dakwah dan kebajikan menjadikan USIA sebagai institusi pembangunan masyarakat Islam yang paling berpengaruh di Sabah pada era tersebut (Rasip, 2025). Jaringan kerjasama yang dibentuk dengan institusi dari luar negara dan dari Semenanjung Malaysia turut memperkukuh jangkauan dakwah dan memperluas akses kepada pendidikan Islam (Mohd Amin & Don, 2021). Warisan perjuangan ini bukan sahaja meninggalkan impak terhadap penyebaran Islam, tetapi juga membentuk tapak sosial, politik dan spiritual umat Islam yang kekal berpengaruh hingga ke hari ini.

Strategi Dakwah Bersepadu USIA di Sabah

Penubuhan USIA pada tahun 1969 menandakan satu anjakan penting dalam pelaksanaan dakwah secara sistematik di negeri ini. Inisiatif ini dipelopori oleh Tun Datu Mustapha sebagai tindak balas terhadap keperluan memperkukuh kedudukan Islam di Sabah, terutama dalam kalangan masyarakat pribumi di kawasan pedalaman. Berpaksikan pendekatan “Pengislaman, Pendidikan, dan Pembangunan,” USIA dirangka sebagai platform dakwah yang tersusun, yang bukan sahaja bertujuan menyebarkan Islam, tetapi juga membina struktur sosial umat secara kolektif (Aziz, 2013).

USIA beroperasi dalam persekitaran yang mencabar, khususnya berdepan dengan pengaruh Kristian yang telah lama mengakar melalui jaringan misi, pendidikan dan perkhidmatan sosial yang disokong oleh pihak kolonial (Mat Zin, 2003). Di samping itu, ketiadaan majoriti dua pertiga dalam Dewan Undangan Negeri menghalang sebarang usaha pindaan perlembagaan untuk mengisytiharkan Islam sebagai agama rasmi negeri (Hajimin et al., 2021). Mengambil pendekatan pragmatik, USIA memfokuskan dakwah secara akar umbi, terutama dalam

kalangan etnik Kadazandusun, Murut dan Rungus. Pendekatan dakwah dilakukan secara berhemah, dengan menghormati budaya setempat dan mengutamakan dialog antara agama sebagai strategi memperkenalkan Islam secara damai dan penuh hikmah (Sintang, 2003).

Sebagai pelaksana utama program dakwah luar bandar, USIA menganjurkan pelbagai inisiatif seperti ceramah, kelas pengajian, bimbingan rohani dan aktiviti kemasyarakatan secara menyeluruh di peringkat kampung. Pendakwah bergaji, sukarelawan, dan pegawai awam turut digembleng dalam gerakan ini, dengan sokongan politik langsung daripada Tun Mustapha. Majlis pengislaman yang diadakan di lokasi simbolik seperti kediaman rasmi beliau berjaya menarik tokoh elit tempatan dan mewujudkan saluran diplomasi budaya (Sintang, 2005; Muhiddin, 1990). Strategi USIA yang inklusif ini bukan sahaja memperluas capaian dakwah, tetapi turut memperkukuh hubungan sosial antara komuniti Muslim dan bukan Muslim di Sabah, membentuk asas kepada pembangunan masyarakat yang bersifat harmonis dan progresif.

Impak Dakwah USIA dan Perubahan Demografi Islam di Era Tun Mustapha

Perkembangan gerakan dakwah USIA mencapai detik penting apabila beberapa tokoh masyarakat Sabah memeluk Islam secara terbuka, termasuk Tun Fuad Stephens (Donald Stephens), isterinya June Lutter, serta anak-anak mereka pada 5 Januari 1971 (Robert, 1976). Peristiwa ini bukan sahaja mencetuskan gelombang kesedaran baharu dalam kalangan masyarakat peribumi, tetapi juga membawa makna simbolik yang mendalam dalam konteks perpaduan agama dan politik negeri. Tun Fuad, selaku “Huguan Siou” atau Pemimpin Agung masyarakat Kadazandusun, memiliki pengaruh besar sebagai tokoh perpaduan negeri. Pengislamannya mencetuskan impak psikologi dan sosial yang kuat, menjadikan Islam lebih mudah diterima dan dihormati dalam kalangan masyarakat bukan Islam (Hajimin et al., 2020).

Kesan langsung daripada pengislaman Tun Fuad ialah peningkatan kecenderungan masyarakat Kadazandusun terhadap Islam, terutamanya mereka yang melihat beliau sebagai figura kepimpinan dan inspirasi. Pendekatan dakwah yang dibawa oleh USIA ternyata bukan sahaja berkesan dalam kalangan rakyat biasa, tetapi juga di peringkat elit politik dan sosial. Selain Tun Fuad, beberapa tokoh berprofil tinggi seperti Dato Ghani Gilong, Suffian Koroh, Andrew Matakim (Idrus Matakim), Fazil Wong, Johari Majakil, Abdul Latif Hawkins, dan Mohd Noor Nicholas turut memeluk Islam atas pengaruh dakwah USIA (Sintang, 2005). Perkembangan ini menunjukkan bahawa proses Islamisasi di Sabah berlaku dalam bentuk yang menyeluruh — merangkumi perubahan dari bawah dan atas, sekali gus mengukuhkan pengaruh Islam dalam struktur kuasa negeri.

Pencapaian paling signifikan hasil gerakan dakwah ini direkodkan pada 23 September 1973 apabila Islam diiktiraf secara rasmi sebagai agama negeri Sabah (Bainol Lazimin, 2018). Pindaan terhadap Perlembagaan Negeri membuka jalan kepada pembangunan institusi-institusi penting seperti Jabatan Hal Ehwal Agama Islam, Mahkamah Syariah, dan Majlis Ugama Islam Sabah, yang sebelumnya tidak dapat diwujudkan secara formal (Abdullah & Alih, 2017). Pengiktirafan ini menjadi penanda aras penting yang mengesahkan kejayaan pendekatan dakwah berstruktur di bawah kepimpinan Tun Mustapha dan USIA.

Dalam tempoh 1969 hingga 1976, lebih 75,000 individu memeluk Islam, menjadikan pertambahan populasi Muslim di Sabah sebagai salah satu fenomena demografi yang paling pesat dalam sejarah negeri ini (Rasip & Abd Razak, 2024). Pertumbuhan ini bukan sekadar statistik, tetapi cerminan keberkesanan strategi dakwah yang menyentuh dimensi rohani,

politik, dan sosial secara serentak. Legasi Tun Mustapha dan peranan USIA terus dikenang sebagai pencetus transformasi besar dalam landskap keagamaan Sabah, dan menjadi asas penting kepada perkembangan Islam yang berterusan sehingga hari ini.

Transformasi Demografi Agama Sabah Pasca-Penubuhan USIA

Transformasi demografi agama di Sabah pasca-penubuhan USIA pada tahun 1969 memperlihatkan lonjakan ketara dalam jumlah penganut Islam, hasil gerakan dakwah terancang yang diterajui oleh Tun Datu Mustapha. Melalui pendekatan dakwah yang menyeluruh, bersifat akar umbi dan menghormati budaya tempatan, USIA berjaya meningkatkan kadar penerimaan Islam dalam kalangan masyarakat peribumi, khususnya di kawasan pedalaman. Keberkesanan strategi ini terbukti apabila peratusan umat Islam di Sabah meningkat daripada 38% pada tahun 1960 kepada 42% pada tahun 1970, dan melonjak kepada 53% menjelang akhir era kepimpinan Tun Mustapha (Robert, 1976). Peningkatan ini bukan sahaja mencerminkan kejayaan dakwah USIA, malah menandakan perubahan struktur sosial dan keagamaan negeri Sabah yang semakin cenderung kepada Islam sebagai kekuatan arus perdana.

Jadual 2: Statistik Komposisi Agama Sabah Pasca-Penubuhan USIA

Bil	Agama	1970	1980	1991	2000	2010
1	Islam	260945 (40%)	487627 (51%)	1062214 (61%)	1564839 (63%)	2096153 (65%)
2	Kristian	157422 (24%)	258606 (27%)	470371 (27%)	691096 (28%)	853726 (27%)
3	Buddha	63313 (10%)	78868 (8%)	126206 (7%)	160433 (7%)	194428 (6%)
4	Hindu	-	2896 (0.3%)	3231 (0.2%)	2468 (0.1%)	3037 (0.1%)
5	Lain-lain	206740 (46%)	65078 (7%)	25970 (2%)	17277 (0.7%)	5959 (0.2%)
6	Tidak beragama	-	57481 (6%)	40726 (2%)	32087 (1.3%)	9850 (0.3%)
7	Tidak diketahui	-	-	1380 (0.08%)	-	43586 (1.3%)
8	Jumlah	454311 (100%)	950556 (100%)	1730098 (100%)	2468200 (100%)	3206742 (100%)

Sumber: Daripada North Borneo Census & Banci Penduduk & Perumahan Malaysia

Pasca-kemerdekaan, komposisi agama di Sabah berubah secara ketara, khususnya selepas penubuhan USIA pada tahun 1969. Gerakan dakwah yang dipimpin oleh Tun Datu Mustapha memainkan peranan besar dalam memperluas pengaruh Islam, terutamanya di kawasan luar bandar. Kesan daripada pendekatan ini terbukti melalui peningkatan jumlah umat Islam daripada 38% pada tahun 1960 kepada 42% pada tahun 1970, dan melonjak kepada 51%

menjelang tahun 1980 — kali pertama Islam menjadi agama majoriti di Sabah. Antara tahun 1969 hingga 1976 sahaja, lebih 75,000 individu memeluk Islam. Faktor seperti pembinaan masjid, program pendidikan agama, dan bimbingan untuk muallaf telah memperkukuh penerimaan Islam sebagai sistem kepercayaan dan budaya masyarakat. Islam bukan sekadar menjadi agama peribadi, tetapi diterima sebagai asas dalam pembentukan identiti sosial dan pembangunan negeri (Rasip et al., 2025b; Robert, 1976).

Dalam tempoh yang sama, agama Kristian menunjukkan pertumbuhan yang stabil, dengan kadar peratusan kekal sekitar 27–28% sehingga tahun 2000. Pertumbuhan ini didorong oleh usaha konsisten badan misionari, khususnya dalam kalangan etnik peribumi yang telah didedahkan kepada ajaran Kristian sejak zaman penjajahan. Sebaliknya, agama-agama lain seperti Buddha dan Hindu mencatatkan kemerosotan dari segi peratusan, manakala kategori “lain-lain” dan “tidak beragama” juga menurun secara signifikan. Statistik ini mencerminkan perubahan besar dalam landskap keagamaan Sabah ke arah anutan agama utama, dengan Islam sebagai peneraju dan Kristian sebagai kekuatan kedua. Transformasi ini merupakan hasil gabungan antara gerakan dakwah Islam yang tersusun dan kesinambungan misi agama Kristian, sekali gus membentuk semula corak keagamaan dan identiti masyarakat Sabah dalam era pasca-USIA.

Peningkatan Pemelukan Islam dan Keberkesanan Strategi Dakwah Sehingga 2024

Bilangan muallaf di Malaysia, khususnya di Sabah, menunjukkan pertumbuhan berterusan setiap tahun. Berdasarkan Data Statistik Kemasukan Islam 2010 hingga 2018 yang dikeluarkan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), seramai 89,102 individu memeluk Islam di seluruh Malaysia, dengan Sabah mencatatkan angka tertinggi iaitu 20,115 orang, menjadikannya negeri yang paling banyak menerima muallaf berbanding negeri lain (Nur A'thirah, 2021). Statistik terkini oleh Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS) bagi tempoh 2019 hingga 2023 pula menunjukkan pertambahan seramai 9,582 muallaf, dengan purata melebihi 1,000 orang setahun dan pada beberapa tahun, mencecah lebih 2,000 orang. Data ini jelas mencerminkan keberkesanan usaha dakwah dan program Islamisasi yang berterusan di Sabah, khususnya dalam menarik minat etnik peribumi untuk memeluk Islam melalui pelbagai faktor sosio-budaya dan keagamaan (Aliakbar & Rasip, 2024).

Peningkatan Tahunan Pemeluk Islam



Rajah 1.

Faktor kejayaan peningkatan pemeluk Islam di Sabah banyak bergantung kepada pendekatan dakwah yang mesra budaya serta mengambil kira sensitiviti sosiobudaya komuniti peribumi seperti Kadazan Dusun, Murut, dan Rungus. Pendekatan ini dilaksanakan melalui penglibatan institusi seperti USIA, JHEAINS, JAKIM, YADIM dan pelbagai NGO Islam seperti IKRAM, MACMA, HCF, KDMRS Muslim dan Yayasan Amal yang menyampaikan mesej dakwah secara hikmah dan berfokus kepada pendekatan lokal. Dakwah tidak hanya menyentuh aspek keagamaan semata-mata, tetapi turut mengangkat Islam sebagai instrumen sosial yang menggalakkan perpaduan antara etnik menerusi nilai-nilai universal seperti keadilan, kasih sayang, dan kesejahteraan bersama. Situasi ini menjadikan Islam di Sabah lebih diterima dan difahami sebagai sebahagian daripada sistem budaya yang inklusif dan membina.

Selain itu, peningkatan pemeluk Islam turut didorong oleh pelaksanaan program dakwah berasaskan komuniti seperti ceramah umum, kelas bimbingan muallaf, pendidikan asas agama, serta bantuan kebajikan. Program-program ini telah mengukuhkan interaksi antara pendakwah dan masyarakat setempat secara harmoni, seterusnya membentuk pemahaman Islam yang bersifat sukarela, bukan paksaan. Strategi dakwah kontemporari ini berjaya menyesuaikan ajaran Islam dengan realiti tempatan dan keperluan semasa, tanpa mengenyahkan nilai dan identiti tradisional masyarakat. Kejayaan tersebut menegaskan bahawa model dakwah di Sabah bukan sahaja efektif dalam konteks lokal, tetapi juga wajar dijadikan rujukan dalam pembinaan masyarakat berbilang budaya yang saling menghormati dan bersatu.

Kesimpulan

Transformasi Islam di Sabah pasca-kemerdekaan merupakan hasil daripada kombinasi antara faktor sejarah, strategi dakwah yang berkesan, dan perubahan demografi yang ketara. Sejarah penjajahan telah meninggalkan kesan terhadap struktur keagamaan masyarakat, namun kebangkitan institusi seperti USIA dan kepimpinan tokoh seperti Tun Datu Mustapha telah membawa perubahan besar ke arah Islamisasi yang tersusun dan strategik. Perubahan ini mencerminkan keupayaan Islam untuk berkembang dalam suasana masyarakat majmuk apabila disampaikan dengan pendekatan yang bijaksana dan inklusif.

Objektif kajian untuk menelusuri sejarah perkembangan Islam, menilai strategi dakwah, dan menganalisis kesan terhadap demografi agama di Sabah telah berjaya dicapai. Kajian ini menunjukkan bagaimana pendekatan dakwah bersepadu, penghormatan terhadap budaya setempat, dan pengukuhan institusi Islam telah menyumbang kepada pertumbuhan pesat umat Islam dalam kalangan masyarakat peribumi.

Sumbangan kajian ini adalah signifikan dari sudut teori dan amalan. Dari sudut teori, ia memperkayakan literatur sedia ada dalam bidang dakwah Islam, khususnya dalam konteks transformasi sosial masyarakat bukan Islam kepada Islam dalam lingkungan budaya tempatan. Dari sudut amalan, ia memberi panduan kepada pelbagai agensi dakwah dan pembuat dasar dalam merangka pendekatan dakwah yang lebih berkesan di kawasan berbilang etnik. Institusi seperti USIA dan JHEAINS wajar dijadikan model dalam membentuk kerangka dakwah yang berteraskan pembangunan komuniti dan pendidikan.

Dari perspektif dasar dan peraturan, dapatan kajian ini memberi asas yang kukuh untuk memperkasa semula sistem pengurusan mualaf, merangka kurikulum pendidikan pasca-konversi yang lebih mampan, dan memperluas jangkauan program sokongan kepada golongan mualaf. Usaha memperkukuh hubungan antara agama dan keharmonian sosial juga boleh dirangka berdasarkan pendekatan yang dibuktikan berkesan di Sabah.

Cabaran utama yang dikenal pasti dalam kajian ini ialah kekurangan dokumentasi terperinci tentang pengalaman sebenar mualaf serta data impak jangka panjang program dakwah. Oleh itu, pengajian masa depan dicadangkan agar menumpukan kepada kajian lapangan yang lebih mendalam secara longitudinal, melibatkan penyertaan komuniti mualaf secara langsung serta kajian perbandingan antara daerah di Sabah. Ini bertujuan untuk mendapatkan gambaran yang lebih menyeluruh dan autentik berhubung keberkesanan strategi dakwah dan integrasi mualaf ke dalam struktur sosial.

Sebagai penambahbaikan, dicadangkan agar wujud sinergi lebih erat antara institusi dakwah kerajaan, NGO Islam dan institusi pendidikan tinggi dalam menjalankan kajian bersama, latihan dakwah, dan program pembinaan kapasiti kepada mualaf. Kerjasama rentas sektor ini penting dalam memastikan usaha Islamisasi yang berlaku bersifat lestari, berimpak tinggi, dan menyumbang kepada pembinaan masyarakat madani yang harmoni.

Secara keseluruhannya, transformasi Islam di Sabah antara tahun 1963 hingga 2024 menggambarkan satu model pembangunan Islam yang berjaya melalui pendekatan dakwah yang berstrategi, hormat budaya, dan bertunjangkan kekuatan institusi. Kejayaan ini bukan sahaja relevan dalam konteks Sabah, tetapi wajar dijadikan rujukan dalam merangka strategi pembangunan Islam di negeri-negeri lain yang mempunyai latar masyarakat yang pelbagai.

Penghargaan

Terima kasih kepada Universiti Malaysia Sabah yang telah memberikan Geran Penyelidikan Dana Kluster DKP0052 untuk membiayai kajian ini.

Rujukan

Abdullah, A. R. T., & Alih, S. (2017). Proses kemerdekaan Sabah dan Sarawak (1961–1963): Tinjauan kembali aplikasi perundangan dalam penubuhan Malaysia. *Malaysian Journal of History, Politics & Strategic Studies*, 44(1), 24–57.

- Adam, S. D. S. (2023). Education challenges in Sabah before 1963. *International Journal of Modern Education*, 5(17), 1–12.
- Aliakbar, M. Z. A. (2024). Faktor pertambahan muallaf di negeri Sabah: Satu sorotan. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 9(61), 608–617.
- Aliakbar, M. Z. A., & Rasip, M. Z. (2024). Cabaran muallaf di Malaysia dan cadangan penyelesaian. *Jurnal Pengajian Islam*, 17(1), 121–132.
- Amiruddin, N. (2012). *Pendakwah Indonesia di Sabah 1967–1985* (Tesis Sarjana, Universiti Malaysia Sabah).
- Atim, I. (2016, Februari 4). *Migran agamawan Indonesia di Sabah* [Temu bual]. Jabatan Ketua Menteri Sabah, Bahagian Kabinet & Dasar. (n.d.). *Kabinet negeri Sabah: Kabinet 11 Mei 1967 – 06 Oktober 1971*.
- Retrieved from <http://www.bkd.sabah.gov.my/?q=content/kabinet-11-mei-1967-06-oktober-1971>
- Aziz, H. (2013). The role of USIA in education, da'wah, and politics in Sabah, Malaysia, 1969–1976. *Jurnal Kajian Sejarah & Pendidikan Sejarah*, 1(2), 167–178.
- Aziz, H. (2015). *USNO and BERJAYA: Politics in Sabah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Faisal, S. H. (2018). Domination, contestation, and accommodation: 54 years of Sabah and Sarawak in Malaysia. *Southeast Asian Studies*, 7(3), 341–361.
- Hajimin, M. N. H. H., Ag Omar, P. M. F., & Hajimin, N. A. (2020). Tun Mustapha dan pengukuhan Islam di Sabah: 1963–1973. *Akademika*, 90(1), 181–191.
- Hajimin, M. N. H. H., et al. (2021). Gerakan dakwah dan impaknya terhadap peningkatan komposisi Muslim di Sabah. *International Journal of Law, Government and Communication*, 6(23), 125–139.
- Hajimin, M. N. H. H., & Ibrahim, I. A. (2019). Tun Mustafa dan peranannya terhadap penetapan Islam sebagai agama rasmi Negeri Sabah. In *Prosiding Seminar Kebangsaan Tamadun & Warisan Islam (TAWIS) 2019*.
- Hajimin, M. N. H. H., Ibrahim, I., & Kassim, A. (2016). Migrasi dakwah dan impaknya terhadap perkembangan Islam di Sabah dari sudut demografi dan politik. In *Proceedings of the 10th International Malaysian Studies Conference* (pp. 1001–1016).
- Hajimin, M. N. H. H., Marinsah, S. A., Hamzah, A. H., & Rasip, Z. M. (2025). *Dakwah, pendidikan dan sosial Islam di Sabah: Isu terpilih dan cabaran semasa*. Kota Kinabalu: Fakulti Pengajian Islam, UMS.
- Ismail, Y. (2004). *Politik dan agama di Sabah*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- JHEAINS. (2024). *Data muallaf 2010 hingga 2023*. Unit Pengislaman, Bahagian Dakwah, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah.
- Lazimin, B. (2018). Christianization strategies in the Kota Marudu District, 1985–1994. *Jurnal Borneo Arkhailogia*, 3(2), 185–199.
- Mahali, S. N. (2018). Nalai: Ritual penyembuhan dalam kalangan Orang Bajau di Kota Belud, Sabah. *Akademika*, 88(3), 101–112.
- Maria, P. K. (2004). *Christian mission in Malaysia: Past emphasis, present engagement, and future possibilities* (Master's thesis). Australian Catholic University.
- Mat Zin, M. K. (2003). *Kristian di Sabah 1881–1994*. Bangi: Penerbit UKM.
- Mohd Amin, M. A., & Don, A. G. (2021). Peranan organisasi Islam dalam gerakan dakwah muallaf di Sabah. *QALAM International Journal of Islamic and Humanities Research*, 1(2), 42–52.
- Mojijang, C., & De Silva, M. (2020). The role of Protestant Church in Sabah (PCS) in the social development of Rungus society 1953–1993 in Kudat, Sabah. *Jurnal Borneo Arkhailogia*, 5(1), 89–104.

- Muhiddin, Y. (1990). *Islam di Sabah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nur A'thiroh Masyaa'il Tan Ai Pao. (2021). Cabaran pasca kembali kepada Islam dalam kalangan muallaf di Malaysia. In *Prosiding Sistem Pendidikan Islam Muallaf di Malaysia* (pp. 195–213). Institut Pengajian Islam dan Dakwah Sabah (IPDAS).
- Rasip, Z. M. (2025). *Dakwah dan muallaf di Sabah: Cabaran, kejayaan dan sinergi dakwah*. Kota Kinabalu: Fakulti Pengajian Islam, UMS.
- Rasip, Z. M., Hamzah, A. H., Hajimin, M. N. H. H., Ab Razak, M. S., Adol, S., & Marinsah, S. A. (2025a). The historical development of Islam and converts in Sabah, Malaysia: From the 14th century to the official designation of Islam as the state religion. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 15(3), 1556–1572.
- Rasip, Z. M., Nayan, N. F. S., Abu Bakar, N. I. N., Sabri, S. H., & Mohamad, M. Z. (2025b). Converts and the early development of Islam in Sabah: History and challenges from the 14th century to the independence era in 1963. *International Journal of Academic Research in Progressive Education and Development*, 14(1), 1494–1509.
- Rasip, Z. M., & Ab Razak, M. S. (2024). Factors leading to conversion to Islam: A study on converts in Sabah. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities*, 9(10), 1–14.
- Richard, Y. S. (1999). *The history of the Borneo Evangelical Church*. Kuala Lumpur: Nipuhawang Publishing.
- Robert, O. T. (1976). Mustapha's Sabah, 1968–1976: The Tun steps down. *Asian Survey*, 16(6), 495–509.
- Rusli, M. H. M., Talib, M. R., Susanti, R., & Kartini, I. A. (2023). Malaysia's indisputable sovereignty over Sabah. *Kosmik Hukum*, 23(3), 292–302.
- Sarabatin, M. A. (2008, Jun 8). Datu Mustapha bapa kemerdekaan Sabah. *Berita Harian*.
- Sintang, S. (2003). Penganutan agama Islam dan Kristian dalam kalangan masyarakat Kadazan Dusun di Sabah. *Jurnal Usuluddin*, 18, 59–80.
- Sintang, S. (2005). Sejarah perkembangan muallaf di Sabah: Peranan dan sumbangan United Sabah Islamic Association (USIA). *Jurnal Al-Tamaddun*, 1, 51–90.
- Sintang, S., Mohd Tamring, B. A., Lukin, S. A., & Mohd Yakin, H. S. (2019). Fenomena agama di pedalaman Sabah. *Journal of History Department, University of Malaya*, 28(2), 187–199.
- Sulaiman, N., Cheang, S. N., & Amiaty, A. (2019). Changing narrative landscape: Selected Sabah short stories from the 1980s to the new millenium. *Malay Literature*, 32(2), 239–256.
- Syamruddin, N., & Abd Ghofur. (2017). Perkembangan Islam di Sabah Malaysia (Perspektif sosio-historis). *TOLERANSI: Media Ilmiah Komunikasi Umat Beragama*, 9(2), 152–183.
- Suzanah Nilam. (2012). *Gerakan dakwah di Kota Kinabalu: Kajian terhadap Pertubuhan Islam Seluruh Sabah (USIA)* (Disertasi Sarjana, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia).
- The Constitution of the State of Sabah. (n.d.). Retrieved from <https://sagc.sabah.gov.my/sites/default/files/law/The%20Constitution%20of%20the%20State%20of%20Sabah.pdf>
- Syed Hamid, S. S. H., & Akhmetova, E. (2019). Islam and politics in Malaysia: The realization of Islam as a state religion in Sabah. *Journal of Islam in Asia*, 16(2), 302–320.
- Wan Hussain, W. A. F., Che Ngah, A., & Omar, M. A. (2017). Islam agama bagi persekutuan: Satu kajian sejarah perundangan. *Jurnal Akademika*, 87(3), 179–195.
- Yaacob, H. F. (2021). Orientalist perspectives on Islam in Borneo. *UMRAN – International Journal of Islamic and Civilizational Studies*, 8(2), 49–66.